



NEGERI KELANTAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76  
No. 50

14hb Disember 2023

TAMBAHAN No. 3  
PERUNDANGAN

**Kn. P.U. 8.**

نکری کلنتن

فروواوای ممفکیل مشوارت

اوندغٽ ۲۴ فرلمباکاعن توبوه کراجأن کلنتن

(بهاکین بیغ فرتام)

اولیه کباوه دولی بیغ مها مولیا سلطان محمد ۷، دی.کی.، دی.کی.عیم.، دی.عیم.عین.، دی.کی. (سلاغور)،  
دی.کی. (نکری سمبلن)، دی.کی. (جوهر)، دی.کی. (فیراق)، دی.کی. (فرليس)، دی.کی. (قدح)، دی.کی.  
(ترشکانو)، ایس.قی.عیم.کی.، ایس.جیه.عیم.کی.، ایس.قی.کی.کی.، ایس.قی.ایس.کی.، ایس.قی.جیه.کی.،  
سلطان دان بیغ دفتروان باکی نکری کلنتن دان جاجهن تعلوقن.

سلطان کلنتن

بهاسان مثیکوت فصل (۱) فرکارا 46 اوندغٽ ۲۴ فرلمباکاعن توبوه کراجأن کلنتن (بهاکین بیغ فرتام)، اد دشرطکن دأثارا  
لاعین بهما کباوه دولی بیغ مها مولیا هندقله دری سماس کسماس ممفکیل دیوان اوندغن نکری :

مک اولیه بیغ دمیکین، بیتا، سلطان محمد ۷، سلطان دان راج باکی نکری کلنتن دار النعیم دان سکالا جاجهن تعلوقن  
فڈ منجالنکن کواس بیغ دبری کفڈ بیتا دباوه فرکارا 46 اوندغٽ ۲۴ فرلمباکاعن توبوه کراجأن کلنتن (بهاکین بیغ فرتام) دغں  
این منتظرکن بهما 14 جمادی الأول 1445هـ برسامان 8,9,12,13 دان 22,23,26,27 دان 28 نومبر 2023م سپاکای  
هاری ۲ فرسیدغن کالی بیغ کدوا (بلنجاون) باکی تیمفوہ ٹھکل فرتام دیوان نکری کلنتن بیغ کلیم بلس دان فرسیدغن  
ایت اکن داؤکن فڈ ڈوکول 9.00 شاکی برتمشت دیوان اوندغن نکری، کوتا دار النعیم، کوتا بهارو، کلنتن.

ترمکوب دایستان نگری کویغ کریان ڦد ٽ ربيع الآخر 1445هـ برساماعن 22 اوکتوبير 2023م

دُغْن تيته ٿريته،

داتئ ٿغلیما ٿرڻ داتئ حاج محمد نصر الدين بن حاج داود، ايس.جي.عي.ك.، دي.جي.عي.ك.، جي.عي.ك. (كلنتن)  
منتری سر کلتن  
برتاریخ : 10 ربيع الآخر 1445هـ / 25 اوکتوبير 2023م

**STATE OF KELANTAN**

**PROCLAMATION OF SUMMON  
THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF KELANTAN  
(FIRST PART)**

**BY HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN MUHAMMAD V,D.K.,D.K.M.,D.M.N.,D.K. (SELANGOR),  
D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (JOHOR), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (KEDAH),  
D.K. (TERENGGANU), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., S.P.J.K, SULTAN AND  
RULER OF THE STATE OF KELANTAN AND ALL ITS DEPENDENCIES.**

*Sultan of Kelantan*

WHEREAS by Clause (1) of Article XLVI of the laws of the Constitution of Kelantan (*First Part*) it is provided, inter alia, that His Royal Highness shall from time to time summon the State Legislative Assembly.

NOW, THEREFORE, WE, By His Royal Highness Sultan Muhammad V, Sultan and Ruler of the State of Kelantan and all its dependencies, in exercise of the power conferred upon US under Article XLVI of the Laws of the Constitution of Kelantan (*First Part*) Do Hereby Appoint the 8, 9, 12, 13 & 14 Jamadil 1445H corresponding to 22, 23, 26, 27 & 28 November 2023M as the dates for the Second Meeting (Budget) of the First Session of the Fifteenth Legislative Assembly of the State of Kelantan and such meeting shall be held at 9.00 a.m on the aforesaid dates at the State Legislative Assembly, Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan.

Given at Istana Negeri Kota Bharu this day of 22 October 2023.

By Command,

Date 10 RabiulAkhir 1445H / 25 October 2023  
[SUK.D200/420/4/Jld.IV( )]

USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD, *S.J.M.K., D.J.M.K. J.M.K (KELANTAN)*  
(DATO' PANGLIMA PERANG)  
Menteri Besar  
*Kelantan*

**Kn. P.U. 9.**

ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019

KAEDAH-KAEDAH SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2023

---

**SUSUNAN KAEDAH**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN****Kaedah**

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
KUASA PENGARAH**

3. Kuasa Pengarah terhadap aktiviti abstraksi, cari gali, pelencongan air dan aktiviti pengubahan sumber

**BAHAGIAN III  
PELESENAN**

4. Lesen
5. Lesen menggerudi
6. Kelayakan
7. Syarat-syarat kelulusan
8. Lesen sementara

**BAHAGIAN IV  
KAWALAN ABSTRAKSI, CARI GALI, PELENCONGAN AIR DAN AKTIVITI  
PENGUBAHAN SUMBER**

9. Kawalan am
10. Kawalan abstraksi air tanah

Kaedah

11. Kawalan abstraksi air sungai dan lain-lain sumber air
12. Kawalan abstraksi air laut
13. Kawalan pelencongan air
14. Kawalan aktiviti pengubahan sumber

**BAHAGIAN V**  
**FI PROSES, LESEN DAN CAJ**

15. Fi proses dan lesen
16. Caj abstraksi air
17. Caj pengubahan sumber air
18. Mendapatkan wang yang kena dibayar

**BAHAGIAN VI**  
**AM**

19. Pengkompaunan kesalahan
20. Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain
21. Pemakaian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

---

ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019

KAEADAH-KAEADAH SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 76 Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan [*Enakmen 13*]. Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat kaedah-kaedah seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

**1.** Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-Kaedah Sumber Air Negeri Kelantan 2023 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

**Tafsiran**

**2.** Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“domestik” ertinya penggunaan air untuk tujuan rumah persendirian, sara diri dan kegunaan awam;

“Enakmen” ertinya Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 [*Enakmen 13*];

“fi lesen” ertinya bayaran yang dikenakan ke atas setiap satu lesen yang telah diluluskan oleh Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan;

“fi proses” ertinya bayaran yang dikenakan ke atas setiap satu borang permohonan lesen yang diisi untuk diproses oleh Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan bagi mendapat kelulusan;

“gangguan” merujuk kepada—

- (a) pengurangan pada kadar aliran sumber air;
- (b) pengurangan pada kuantiti dan kualiti air sesuatu sumber air;
- (c) pencemaran sumber air atau alam sekitarnya;
- (d) kerosakan pada struktur fizikal sesuatu sumber air atau alam sekitarnya;
- (e) menjelaskan atau mengubah sempadan antara negeri; atau
- (f) apa-apa keadaan lain yang difikirkan oleh Pengarah yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada sumber air.

“Jabatan” ertinya Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7 Enakmen;

“komersial” ertinya abstraksi air selain daripada untuk tujuan bekalan air domestik termasuklah kegunaan kilang, industri, loji jana kuasa elektrik, hotel, air mineral, tempat peranginan, padang golf, pusat cuci kereta, tapak semaihan, akuakultur, pertanian, penternakan dan sebarang aktiviti lain;

“Pengarah” ertinya Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 8 Enakmen, seksyen 6 Enakmen Bekalan Air 1995 dan seksyen 3A Enakmen Parit dan Sungai 1935;

“pengubahan sumber air” ertinya merujuk kepada kawalan penggunaan sumber air termasuk kerja-kerja atau aktiviti di bawah seksyen 14 selain abstraksi di bawah seksyen 12.

## BAHAGIAN II KUASA PENGARAH

### **Kuasa Pengarah terhadap aktiviti abstraksi, cari gali, pelencongan air dan pengubahan sumber**

**3.** Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengenakan caj abstraksi, cari gali, pelencongan air, dan aktiviti pengubahan sumber kepada seseorang yang mengabstrak, mencari gali, melencong air dan menjalankan aktiviti pengubahan sumber berdasarkan kepada kuantiti penggunaan air mentah atau sumber tersebut dan hasil keluaran daripada aktiviti yang dijalankan.

## BAHAGIAN III PELESENAN

### **Lesen**

**4. (1)** Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, bagi maksud mana-mana abstraksi air, cari gali, pelencongan air dan aktiviti pengubahan sumber, tiada seseorang pun dibenarkan untuk menyebabkan atau membenarkan sebarang gangguan atau pelencongan air terhadap sumber air dan kawasan tадahan air kecuali dilesenkan.

(2) Suatu permohonan lesen di bawah seksyen 35 atau pembaharuan lesen di bawah seksyen 39 bagi lesen di bawah Enakmen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang permohonan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Setiap permohonan lesen hendaklah dibuat sepertimana yang ditentukan oleh Pengarah disertai dengan fi proses yang ditetapkan dalam Senarai A – Jadual Pertama.

(4) Apabila permohonan lesen diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, fi lesen yang ditetapkan dalam Senarai B – Jadual Pertama hendaklah dijelaskan.

(5) Setiap lesen yang dikeluarkan adalah sah selama satu tahun atau suatu tempoh masa lain yang ditetapkan oleh Pengarah dan perlu diperbaharui dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh tersebut.

(6) Setiap satu lesen yang dikeluarkan adalah merujuk dan terpakai bagi satu aktiviti atau peralatan pengabstrakan atau lokasi, cari gali, pelencongan air dan aktiviti pengubahan sumber dari mana-mana sumber air dan kawasan tадahan air.

(7) Sebelum pengeluaran apa-apa lesen, Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mendepositkan sejumlah wang sebagai sekuriti sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah bagi tujuan memastikan pematuhan terma dan syarat lesen.

(8) Lesen hendaklah dipamerkan, dikemukakan dan tidak boleh dipindah milik.

### **Lesen menggerudi**

**5.** (1) Tiada orang boleh menggerudi air tanah atau menjalankan apa-apa kerja yang berkaitan dengan air tanah melainkan dibenarkan melalui suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 12 dan 13.

(2) Permohonan lesen hendaklah dibuat mengikut pengelasan iaitu Kelas A untuk telaga bersaiz kurang atau sama dengan 150mm dan Kelas B melebihi 150mm.

(3) Mana-mana permohonan lesen di bawah seksyen 35 atau pembaharuan lesen di bawah seksyen 39 Enakmen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang permohonan yang ditentukan di bawah seksyen 75.

(4) Setiap permohonan lesen hendaklah dibuat sepetimana yang ditentukan oleh Pengarah disertai dengan fi proses yang ditetapkan dalam Senarai A-Jadual Pertama.

(5) Apabila permohonan lesen diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, fi lesen yang ditetapkan dalam Senarai B – Jadual Pertama hendaklah dibayar.

(6) Setiap lesen yang dikeluarkan adalah sah selama satu tahun atau suatu tempoh masa lain yang ditetapkan oleh Pengarah dan perlu diperbaharui dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh tersebut.

### **Kelayakan**

**6.** Setiap individu atau golongan orang yang berikut adalah layak untuk memohon lesen—

- (a) mana-mana orang perseorangan yang berstatus warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas;
- (b) suatu syarikat yang didaftarkan di Malaysia;
- (c) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan; atau
- (d) suatu agensi atau jabatan Kerajaan sama ada peringkat Negeri atau Persekutuan.

**Syarat-syarat kelulusan**

7. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua terma dan syarat lesen.

(2) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, lesen hanya akan dikeluarkan setelah Pengarah dengan kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan berpuas hati bahawa –

- (a) borang permohonan yang dikemukakan adalah lengkap; dan
- (b) fi bagi permohonan dan lesen abstraksi air telah dijelaskan.

(3) Pengarah boleh menentukan terma dan syarat lesen untuk dipatuhi oleh pemegang lesen sebagai tambahan kepada terma dan syarat sebagaimana dinyatakan dalam subkaedah (2).

(4) Pengarah dengan kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri boleh dari semasa ke semasa membatalkan, meminda atau menambah mana-mana terma dan syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(5) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi syarat dikenakan adalah melakukan sesuatu kesalahan.

**Lesen sementara**

8. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon bagi kerja-kerja kecemasan dan keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

(2) Kecemasan tersebut termasuk yang perlu disegerakan oleh faktor risiko keselamatan atau gangguan alam sekitar yang perlu diluluskan dengan segera dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengarah.

(3) Jika permohonan bagi suatu lesen telah ditolak oleh Pengarah, lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah menjadi tidak sah dengan serta-merta.

(4) Fi bagi suatu lesen sementara hendaklah tidak melebihi jumlah fi lesen yang ditetapkan dalam kaedah ini.

(5) Caj bagi sesuatu lesen sementara adalah sebagaimana Jadual Kedua dan Ketiga.

(6) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajiban, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(7) Sebelum pengeluaran apa-apa lesen, Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mendepositkan jumlah wang sebagai sekuriti sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah bagi tujuan memastikan pematuhan terma dan syarat lesen dan Enakmen ini.

(8) Lesen sementara hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh lesen sementara itu dikeluarkan.

(9) Suatu lesen sementara boleh diperbaharui semula sehingga tempoh yang tidak melebihi 24 bulan dari tarikh tamat permohonan lesen sementara pertama dikeluarkan

(10) Lesen sementara tidak boleh dipindah milik.

(11) Pengarah boleh pada bila-bila masa, atas apa-apa alasan yang difikirkan munasabah membatalkan lesen sementara.

#### BAHAGIAN IV

#### KAWALAN ABSTRAKSI, CARI GALI, PELENCONGAN AIR DAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER

##### **Kawalan am**

**9.** (1) Mana-mana pemohon hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah sebelum menjalankan kerja-kerja menggali, pembinaan muka sauk dan aktiviti pengubahan sumber.

(2) Setiap aktiviti abstraksi, cari gali, pelencongan air dan aktiviti pengubahan sumber yang dilesenkan hendaklah dilengkapi dengan alat sukatan atau meter alir yang berfungsi sepenuhnya.

(3) Pemegang lesen hendaklah, dengan kos sendiri, memastikan alat sukatan atau meter alir berada dalam keadaan baik dan berfungsi sepenuhnya pada sepanjang masa.

(4) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Pengarah bacaan-bacaan yang diambil daripada alat sukatan atau meter alir dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan alat sukatan atau meter alir tidak diusik, diubah atau dialihkan tanpa kebenaran Pengarah.

(6) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

##### **Kawalan abstraksi air tanah**

**10.** (1) Tiada seseorang pun dibenarkan untuk mengabstrak air tanah, mencari gali, menggerudi, mengejet atau membina sebarang telaga termasuklah untuk mendalam, membesar atau mengubah telaga sedia ada bagi abstraksi air tanah tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

(2) Kerja atau aktiviti di bawah subkaedadah (1) hendaklah jika dikehendaki oleh Pengarah dijalankan di bawah seliaan oleh seorang ahli kaji bumi atau mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Mineral dan Geosains.

(3) Seseorang yang berniat hendak menjalankan sebarang ujian pengepaman hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengarah dalam tempoh empat belas hari sebelum sesuatu ujian itu dijalankan.

(4) Seseorang yang mengabstrak air tanah hendaklah menjalankan ujian pengepaman mengikut tempoh ujian pengepaman air tanah sekali pada setiap lima tahun atau tempoh lain yang ditetapkan serta kemudianya mengemukakan kepada Pengarah laporan daripada setiap ujian pengepaman tersebut.

(5) Pengarah boleh jika difikirkan perlu, mengarahkan pemegang lesen atau mana-mana orang untuk membina dan menyelenggara telaga pemantauan atas perbelanjaan sendiri bagi setiap telaga pengeluaran.

(6) Pemegang lesen hendaklah, atas kosnya sendiri, menjalankan pemantauan kualiti dan paras air tanah pada setiap tahun atau pada tempoh masa lain yang ditetapkan dan laporan pemantauan tersebut dikemukakan kepada Pengarah.

### **Kawalan abstraksi air sungai dan lain-lain sumber air**

**11.** (1) Tiada seorang pun dibenarkan untuk mengabstrak air dari mana-mana sumber air dan kawasan tадahan air termasuklah sungai, lembangan sungai, empangan, alur air, tasik atau kolam sama ada semulajadi atau buatan, tanah perairan, perairan pantai dan lain-lain sumber air melainkan jika pengabstrakan tersebut dilesenkan.

(2) Pengarah pada bila-bila masa boleh mengarahkan mana-mana pemegang lesen, orang atau pihak berkuasa awam, atas perbelanjaan mereka sendiri, untuk mengeluarkan sebarang peralatan dari kawasan abstraksi air atau untuk melakukan apa-apa kerja yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

### **Kawalan abstraksi air laut**

**12.** (1) Tiada seorang pun dibenarkan untuk mengabstrak air laut dari perairan pantai dan tanah perairan termasuklah bagi tujuan penjanaan elektrik, sistem penyejukan industri minyak dan petroleum, hidroelektrik, penyahmasinan air laut, rekreasi dan navigasi serta lain-lain penggunaan sama ada berbentuk komersil atau sebaliknya melainkan jika pengabstrakan tersebut dilesenkan.

(2) Tiada seorang boleh menyebabkan kemasukan atau pelepasan bahan buangan atau bahan pencemar daripada kawasan pengabstrakan air laut ke dalam mana-mana perairan pantai dan tanah perairan.

(3) Tiada seseorang pun boleh menyebabkan pemendapan tanah, penerobosan air masin, kemasuhan tanah perairan, mempercepatkan pengaliran bahan buangan dan pencemar atau sebarang kesan lain yang dianggap sebagai memudaratkan oleh Pengarah yang timbul berikutan dari atau berkaitan dengan sebarang aktiviti abstraksi air laut.

**Kawalan pelencongan air**

**13.** (1) Tertakluk kepada seksyen 14 Enakmen, apa-apa aktiviti di kawasan pelencongan air tidak boleh dijalankan melainkan dengan kebenaran secara bertulis daripada Pengarah.

(2) Tiada seorang pun boleh menyebabkan kemasukan atau pelepasan bahan buangan atau pencemar daripada kawasan pelencongan air ke dalam mana-mana sumber air dan kawasan tадahan air.

(3) Pemegang lesen hendaklah, atas kosnya sendiri, menjalankan pemantauan terhadap kualiti dan kadar alir air pada tempoh masa yang ditetapkan dan laporan pemantauan tersebut hendaklah dikemukakan secara bertulis dan berkala sebagaimana ditetapkan oleh Pengarah.

(4) Melainkan dibenarkan sebaliknya, setiap pelencongan air yang dilesenkan hendaklah dilengkapi dengan alat sukatn yang berfungsi sepenuhnya.

(5) Tindakan untuk meninggalkan, menutup atau memberhentikan terus operasi muka sauk atau mana-mana premis hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh tindakan itu bagi mengelakkan berlakunya pencemaran terhadap sumber air dan segala perbelanjaan di atas tindakan yang akan diambil ditanggung oleh pemegang lesen.

(6) Pemegang lesen hendaklah mematuhi sebarang arahan daripada Pengarah bagi tujuan yang dinyatakan dalam subkaedah (5).

(7) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subkaedah (5) adalah melakukan suatu kesalahan.

(8) Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen, atas perbelanjaan mereka sendiri untuk mengeluarkan semua peralatan muka sauk atau mana-mana premis dari kawasan pelencongan air atau berkenaan apa-apa kerja yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

(9) Jika terjadi apa-apa kemalangan atau kerosakan pada muka sauk atau mana-mana premis yang menyebabkan gangguan kepada kualiti, kuantiti dan aliran sumber air, pemegang lesen hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam memaklumkan kepada Pengarah.

(10) Pemegang lesen di dalam subkaedah (9) hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi mengurangkan kesan gangguan tersebut ke tahap yang memuaskan Pengarah.

(11) Walau apa pun subkaedah (10), Pengarah boleh melalui notis bertulis mengarahkan mana-mana orang untuk mengambil semua tindakan yang munasabah bagi membersih, mengawal atau mengurangkan kesan gangguan tersebut dari sumber air dan kawasan tадahan air dan pemegang lesen tersebut hendaklah menanggung segala kos yang terlibat.

**Kawalan aktiviti pengubahan sumber**

**14.** (1) Kecuali dibenarkan secara nyata di bawah peruntukan mana-mana undang-undang lain, tiada seseorang pun boleh, selepas berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini mengendalikan, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, apa-apa aktiviti pengubahan sumber dalam mana-mana sumber air dan kawasan tadahan air sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Jika, pada pendapat Pengarah, suatu aktiviti, kerja, struktur atau bangunan, dalam sumber air dan kawasan tadahan air adalah menyebabkan pengurangan pada kadar aliran sungai atau degradasi kualiti air atau menjelaskan alam sekitar, Pengarah boleh mengarahkan orang yang mengendalikan aktiviti itu atau tuan punya atau penghuni struktur atau bangunan secara bertulis –

- (a) untuk mengubahsuai atau menghentikan aktiviti itu; dan
- (b) untuk mengubahsuai, memindah atau mengalihkan struktur atau bangunan itu.

(3) Pengarah atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya secara bertulis boleh, pada bila-bila masa, memasuki dan memeriksa mana-mana bangunan atau premis yang telah diberi kebenaran di bawah subkaedah (1).

**BAHAGIAN V  
FI PROSES, LESEN DAN CAJ****Fi proses dan lesen**

**15.** (1) Mana-mana orang yang menjalankan operasi di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah tertakluk kepada fi yang berikut:

- (a) Fi proses; dan
- (b) Fi lesen.

(2) Fi proses bagi setiap permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama borang yang ditetapkan dan hendaklah dibayar sebagaimana yang ditetapkan di dalam Senarai A - Jadual Pertama.

(3) Fi lesen bagi setiap pemegang lesen hendaklah dibayar sebagaimana yang ditetapkan dalam Senarai B - Jadual Pertama.

**Caj abstraksi air**

**16.** (1) Caj abstraksi akan dikira berdasarkan penggunaan air mentah yang direkodkan oleh meter penggunaan atau anggaran penggunaan oleh Jabatan yang dikira munasabah oleh Pengarah. Bacaan meter akan dibuat setiap enam bulan sekali atau pada masa yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(2) Bacaan meter penggunaan air mentah dalam ukuran meter padu oleh pemegang lesen perlu dikemukakan kepada Pengarah dan disahkan pada setiap bulan selewat-lewatnya pada 7 hari bulan pada bulan berikutnya.

(3) Setiap pemegang lesen perlu membayar caj penggunaan air mentah yang diabstrak sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(4) Pembayaran hendaklah dijelaskan dalam masa tujuh hari dari tarikh pengeluaran bil .

### **Caj pengubahan sumber air**

**17.** (1) Caj pengubahan sumber air ditetapkan berdasarkan aktiviti atau kerja-kerja yang boleh menjaskankan kuantiti atau kualiti sumber air.

(2) Setiap pemegang lesen perlu membayar caj pengubahan sumber air sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(3) Pembayaran hendaklah dijelaskan dalam masa tujuh hari dari tarikh pengeluaran bil .

### **Mendapatkan wang yang kena dibayar**

**18.** (1) Apa-apa jumlah wang yang berkenaan dengan aktiviti yang dilesenkan hendaklah kena dibayar dalam masa tujuh hari dari tarikh pengeluaran bil, notis, resit, atau invois dan jika jumlah itu tidak dibayar sedemikian, jumlah itu boleh didapatkan oleh Pengarah sebagai suatu hutang yang terakru kepada Kerajaan Negeri melalui tindakan sivil di mahkamah.

(2) Suatu pernyataan bertulis oleh mana-mana pegawai diberi kuasa oleh Pengarah dan diperakui sewajarnya yang menyatakan amaun yang kena dibayar hendaklah menjadi keterangan prima facie mengenai bayaran yang kena dibuat oleh pemegang lesen di bawah subkaedah (1).

## **BAHAGIAN VI**

### **AM**

### **Pengkompaunan kesalahan**

**19.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundungan subsidiarinya sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun. Senarai kesalahan, penalti dan kompaun adalah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Pengarah dengan keizinan Pendakwa Raya, boleh pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang orang itu adalah bertanggungjawab jika dia telah disabitkan dengan kesalahan itu, dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis Pengarah.

(3) Suatu tawaran yang dibuat di bawah subkaedah (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa pelanjutan masa sebagaimana yang Pengarah boleh diberikan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu, terhadap orang kepadanya tawaran itu dibuat. Borang tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah seperti di Jadual Kelima.

(4) Jika mana-mana orang yang ditawarkan kompaun mengaku salah dan bersetuju dengan tawaran ini, hendaklah melengkapkan borang penerimaan tawaran untuk mengkompaun seperti di Jadual Keenam dan membuat pembayaran kompaun tersebut di Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan.

(5) Jika suatu tawaran telah dikompaun dibawah subkaedah (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun telah dibuat, apa-apa dokumen, peralatan, bahan atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilucut hak dan dilupuskan menurut arahan Pengarah.

(6) Semua jumlah wang yang diterima di bawah subkaedah (2) hendaklah dibayar Kumpulan Wang Disatukan Bagi Negeri Kelantan.

#### **Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain**

**20.** Pengeluaran mana-mana lesen atau kebenaran di bawah Kaedah-Kaedah ini tidak mengesahkan apa-apa perbualan atau tindakan yang menghendaki permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan itu.

#### **Pemakaian**

**21.** Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan di antara Kaedah-Kaedah ini dengan kaedah-kaedah di bawah Enakmen Bekalan Air 1995 dan/atau Enakmen Parit dan Sungai 1935, peruntukan Kaedah-Kaedah ini adalah mengatasi.

### **JADUAL PERTAMA**

#### **SENARAI A**

#### **FI PROSES**

<i>No.</i>	<i>Perkara</i>	<i>RM</i>
1.	Lesen abstraksi air tanah <sup>1</sup>	150.00
2.	Lesen abstraksi badan air (sungai, terusan, tasik, kolam, laut dan lain-lain air permukaan) <sup>2</sup>	150.00
3.	Lesen penggerudian air tanah	150.00

1. Permohonan telaga baharu, permohonan telaga sedia ada, permohonan tambahan telaga baharu bagi kategori pertanian, perladangan, penternakan, perikanan dan kolam memancing.
2. Permohonan baru, permohonan sedia ada, permohonan tambahan baharu lesen abstraksi badan air bagi kategori pertanian, perladangan, penternakan, perikanan, kolam memancing dan perlombongan.

#### SENARAI B

##### FI LESEN

<i>No.</i>	<i>Perkara</i>	<i>RM</i>
1.	Abstraksi air tanah <sup>1</sup>	200.00
2.	Abstraksi badan air (sungai, terusan, tasik, kolam, laut dan lain-lain air permukaan)	200.00
3.	Penggerudian air tanah	
	(a) Kategori telaga tiub saiz kurang/sama 150mm	200.00
	(b) Kategori telaga tiub melebihi saiz 150mm	400.00
1.	Permohonan telaga baharu, permohonan telaga sedia ada, permohonan tambahan baharu lesen abstraksi air tanah dan bagi kategori pertanian, perladangan, penternakan, perikanan dan kolam memancing.	
2.	Permohonan baharu, permohonan sedia ada, permohonan tambahan baharu lesen abstraksi badan air, bagi kategori pertanian, perladangan, penternakan, perikanan, kolam memancing dan pelancongan.	

#### JADUAL KEDUA

##### CAJ ABSTRAKSI AIR

<i>No.</i>	<i>Perkara</i>	<i>RM</i>
1.	Caj abstraksi sumber air untuk tujuan bekalan air domestik dan bekalan air awam	0.01/m <sup>3</sup>
	*Pengguna Domestik >2,500 liter/hari	
2.	Caj abstraksi sumber air untuk tujuan bekalan air industri/ komersial	0.05/m <sup>3</sup>
3.	Caj Abstraksi Air Laut	0.01/m <sup>3</sup>
4.	Caj Abstraksi Perlombongan	0.05/m <sup>3</sup>
	(a) Pasir	
	(b) Mineral lain	

No.	Perkara	RM
5.	Caj Abstraksi Sumber Air untuk kategori –	0.05/m <sup>3</sup>
	(a) Pertanian dan pertanian Tanah Tinggi Lojing	
	(b) Perladangan	
	(c) Penternakan	
	(d) Perikanan	
	(e) Kolam memancing	

### I. ABSTRAKSI AIR BAGI KATEGORI PERTANIAN DAN PERTANIAN TANAH TINGGI LOJING

No.	Perkara	Sara diri <10 m <sup>3</sup> /hari	Komersial ≥10 m <sup>3</sup> /hari
1.	Kadar caj air mentah pertanian dan pertanian Tanah Tinggi Lojing	PERCUMA (Kecuali pertanian Tanah Tinggi Lojing Lojing hendaklah menggunakan kadar komersial)*	RM0.05/m <sup>3</sup>

### II. CAJ ABSTRAKSI AIR BAGI KATEGORI PERLADANGAN

No.	Perkara	Sara diri <10 m <sup>3</sup> /hari	Komersial ≥10 m <sup>3</sup> /hari
1.	Kadar Caj Air Mentah Peladangan	PERCUMA	RM0.05/m <sup>3</sup>

### III. CAJ ABSTRAKSI AIR BAGI KATEGORI PENTERNAKAN

No.	Perkara	Sara diri	Komersial
1.	Kadar caj air mentah penternakan	PERCUMA	RM0.05/m <sup>3</sup>

\*SARA DIRI:    < 2,000 Ternakan arnab, ayam, itik dan lain-lain unggas  
                   < 50 Ternakan lembu, kerbau, kuda dan lain-lain  
                   <100 kambing, bebiri dan rusa  
                   <10 Babi

KOMERSIAL:    ≥ 2,000 Ternakan arnab, ayam, itik dan lain-lain unggas  
                   ≥ 50 Ternakan lembu, kerbau, kuda dan lain-lain ruminan  
                   ≥ 100 kambing, bebiri dan rusa  
                   ≥ 10 Babi

---

**III. CAJ ABSTRAKSI AIR BAGI KATEGORI PERIKANAN**

<i>No.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Sara diri &lt; 40 m<sup>2</sup></i>	<i>Komersial ≥ 40 m<sup>2</sup></i>
1.	Kadar caj air mentah perikanan	PERCUMA	RM0.05/m <sup>2</sup> (Caj mengikut saiz keluasan kolam)

**IV. CAJ ABSTRAKSI AIR BAGI KATEGORI KOLAM MEMANCING**

<i>No.</i>	<i>Perkara</i>	<i>JSANK</i>
1.	Kadar caj air mentah kolam memancing	RM 0.05 / m <sup>2</sup> (caj mengikut saiz keluasan kolam)

Caj minima RM50

**JADUAL KETIGA**
**KADAR CAJ PENGUBAHAN SUMBER AIR**

<i>Kod</i>	<i>Seksyen</i>	<i>Aktiviti Pengubahan Sumber</i>	<i>Kadar Caj</i>
1	14(4)	Kerja-kerja tanah, perlombongan (pasir/ mineral)	Fi proses RM150.00 Fi lesen RM200.00/ tahun
	14(1)	Sistem penyejukan industri	Caj abstraksi air RM0.05/m <sup>3</sup>
			Caj pengubahan sumber air : keluasan struktur/ tapak RM3.00/m <sup>2</sup>
2	14(1)	Pemasangan paip/kabel utiliti	
3	14(2)	Penjajaran/ pelencongan sungai	
4		Pembangunan di dalam rizab sungai, zon perlindungan dan sumber air:	
	14(1)	(a) Pembinaan bangunan/ infrastruktur (jalan raya/ jambatan/ landasan/ pembetung)	
	14(1)	(b) Pembinaan saluran/saliran	

<i>Kod</i>	<i>Seksyen</i>	<i>Aktiviti Pengubahan Sumber</i>	<i>Kadar Caj</i>
	14(1)	(c) Pembinaan kolam	
	14(4)	(d) Pembinaan dermaga/jeti	
	14(1)	(e) Benteng hakisan	
	14(1)	(f) Pemecah ombak	
	14(1)	(g) Pengorekan lumpur dan kelodak	
	14(1)	(h) Pembinaan sekatan bagi tujuan menangkap ikan	Fi proses RM150.00
	14(1)	(i) Lain-lain	Fi lesen RM200.00/ tahun
5	14(1)	Pembinaan jambatan & pembentung (culvert)	Caj pengubahan sumber air:
6	14(1)	Penambakan	keluasan struktur/ tapak RM3.00/m <sup>2</sup>
7		Infrastruktur sumber air:	
	14(1)	(a) Pembinaan muka sauk / telaga jejari	
	14(1)	(b) Pembinaan alir keluar air sisa	
	14(1)	(c) Pembinaan empangan	
	14(1)	(d) Pembinaan weir	
	14(1)	(e) Pembinaan <i>log boom</i> (penghadang sampah)	
	14(4)	(f) Pelencongan	
8	14(4)	Pertanian, penernakian	
	34(4)	Perikanan kecuali had sara diri *Sara diri – rujuk Jadual Kedua Sara Diri	
9	14(3)	Pembinaan penjanaan elektrik	Fi proses RM150.00 Fi lesen RM200.00/ tahun
			Kadar caj :- Caj pengubahan sumber air :
	12(1) (a)	Menstor air (takungan air)	RM50,000.00/ megawatt
			RM 25.00 per hektar / tahun
10	34 (2) (f)	Navigasi Aktiviti rekreasi air	Persendirian Fi proses – RM150.00

<i>Kod</i>	<i>Seksyen</i>	<i>Aktiviti Pengubahan Sumber</i>	<i>Kadar Caj</i>
		Fi Lesen	
		Kelas i 0-20 tan	RM100.00
		Kelas ii 21-500 tan	RM350.00
		Kelas iii 501-tan ke atas	RM1000.00
		Komersial	
		Fi proses: RM150.00	
		Fi lesen: RM200.00/tahun	
		Kadar caj navigasi	
		Kelas i 0-20 tan	RM100.00
		Kelas ii 21-500 tan	RM350.00
		Kelas iii 501 tan ke atas	RM1000.00
		Kadar caj rekreasi air:	
		Kenderaan berenjin – RM10.00 /unit	
		Kenderaan tanpa enjin – RM5.00 /unit	

#### JADUAL KEEMPAT

#### SENARAI KESALAHAN, PENALTI & KOMPAUN DI BAWAH ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019

#### SEKSYEN 71 (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN)

<i>SEKSYEN</i>	<i>PENALTI</i>	<i>KOMPAUN</i>
Seksyen 12 Kawalan penggunaan sumber air	Denda tidak melebihi RM300,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.	RM150,000.00 Minimum RM 300.00
Seksyen 13 Pengabstrakan air tanah	Denda tidak melebihi RM 300,000.00 atau dan sebagai tambahan dikenakan denda RM 1,000.00 sehari bagi setiap hari sepanjang kegagalan atau pelanggaran itu berterusan.	RM150,000.00 Minimum RM 300.00

<b>SEKSYEN</b>	<b>PENALTI</b>	<b>KOMPAUN</b>
Seksyen 14 Lencongan, halangan, gangguan aliran air semula jadi	Denda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.	RM150,000.00  Minimum RM 300.00
Seksyen 18 Kawalan pembaziran air	Denda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.	RM150,000.00  Minimum RM 300.00
Seksyen 24 Larangan pencemaran sumber air	Didenda tidak melebihi RM1,000,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan, didenda sebanyak RM1,000.00 bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas notis oleh Pengarah menghendaki pematuhan telah disampaikan.	RM500,000.00  Minimum RM 1,000.00
Seksyen 25 Perisyiharan kawasan perlindungan	Didenda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.	RM150,000.00  Minimum RM 300.00
Seksyen 27 Pengurusan air larian hujan	Didenda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.	RM150,000.00  Minimum RM 300.00
Seksyen 31 Tindakan semasa musim kemarau	Didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh 3 tahun atau kedua -duanya.	RM50,000.00  Minimum RM 300.00
Seksyen 64 Pemberhentian pengabstrakan air	Didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.	RM25,000.00  Minimum RM 300.00
Seksyen 65 Kesalahan am	Didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.	RM50,000.00  Minimum RM 300.00

---

<i>SEKSYEN</i>	<i>PENALTI</i>	<i>KOMPAUN</i>
Seksyen 66 Kesalahan yang berterusan	Didenda tidak kurang RM1,000.00 sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan yang diteruskan.	Minimum RM 1,000.00

**JADUAL KELIMA****ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019****KAEDAH-KAEDAH SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2023****BORANG TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN****Pengarah**

Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan,  
Tingkat Bawah, Blok 4, Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu,  
Kelantan.

Kepada:  
.....  
.....  
.....  
.....

Rujukan: .....  
Tarikh : .....

**Tuan/Puan**

Suatu laporan yang telah dibuat terhadap anda yang mengatakan anda telah melakukan kesalahan yang berikut/ di bawah seksyen/ kaedah/ .....  
..... Enakmen Sumber Air  
Negeri Kelantan 2019 .....  
Tarikh: ..... Masa: ..... pagi/petang\*  
Tempat: .....  
Butir-butir kesalahan: .....  
.....

2. Anda adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang terletak hak pada saya melalui Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 dan Kaedah-Kaedah Sumber Air Negeri Kelantan 2023, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan ini dengan bayaran sebanyak RM.....  
.....(Ringgit Malaysia: .....).  
Jika tawaran diterima, pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Pengarah Sumber Air Negeri Kelantan di pejabat yang tersebut di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran ini akan berkuat kuasa selama ..... hari dari tarikh pengeluaran notis dan jika tiada pembayaran diterima dalam tempoh tersebut, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh: .....

**Pengarah**

Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan

**JADUAL KEENAM****ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019****KAEDAH-KAEDAH SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2023****BORANG TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN**

Kepada: Pengarah  
 Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan,  
 Tingkat Bawah, Blok 4, Kompleks Kota Darulnaim,  
 15503 Kota Bharu  
 Kelantan.

